



1. PENERBIT TINGKAT I
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

- 1) a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Penyiaran / Komunikasi Massa / *Media Production* / *Multimedia* / Kewartawanan / Ehwal Semasa / Seni Kreatif / *Public Affairs* / Pengajian Brunei atau bidang bersesuaian.

Kelulusan lebih tinggi dalam bidang yang sama adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penerbit Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun atau dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.

SYARAT-SYARAT LAIN SEBAGAI KELEBIHAN:

- a) Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- b) Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.



- c) Mempunyai kebolehan dalam menulis skrip televisyen / radio / berita, hal ehwal semasa dan sukan.
- d) Mempunyai pengalaman dalam bidang tugas yang berkaitan.
- e) Mempunyai pengalaman kerja dalam penerbitan televisyen / radio / berita, hal ehwal semasa dan sukan atau dalam bidang yang bersesuaian.
- f) Hendaklah mempunyai minat dan pengetahuan dalam hal ehwal awam dan semasa.
- g) Memahami konsep Negara Melayu Islam Beraja termasuk ciri-ciri adat istiadat dan protokol Negara Brunei Darussalam.
- h) Memahami misi dan dasar Jabatan dalam pembangunan negara.
- i) Mempunyai daya usaha dan kreativiti yang tinggi bagi memenuhi citarasa penonton / pendengar.
- j) Mempunyai keyakinan diri yang tinggi, kreatif dan pro-aktif dalam mengolah penerbitan.
- k) Mempunyai kreativiti yang tinggi ke arah menghasilkan penerbitan yang berkualiti.
- l) Mempunyai sifat kepimpinan yang baik disamping menjadi pembimbing atau mentor kepada pegawai / kakitangan bawahan.
- m) Berkebolehan bekerja dalam satu pasukan sebagai pemimpin petugas dalam kumpulan penerbitan.
- n) Berkebolehan dalam membuat keputusan secara bijaksana dalam situasi yang memerlukan penerbit bertindak serta-merta dalam proses penerbitan rancangan.
- o) Berkeupayaan bekerja dengan cepat dan teliti dalam suasana tegang.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENERBIT TINGKAT I :

1. Menerbitkan rancangan televisyen / radio / berita, hal ehwal semasa dan sukan.
2. Bertanggungjawab kepada Penerbit Kanan di Seksyen / Unit masing-masing dalam memenuhi misi perancangan penerbitan tempatan bagi televisyen / radio / berita, hal ehwal semasa dan sukan.
3. Merancang dan menyelenggara kerja-kerja penyelidikan, membuat skrip, memilih dan menentukan penyumbang rancangan, menempah kemudahan teknikal dan set dan lain-lain tugas yang berkaitan dengan hal ehwal penerbitan.
4. Menjalankan tugas penerbitan bagi siaran televisyen / radio / berita, hal ehwal semasa dan sukan di studio atau di lokasi luar.
5. Mengawal perbelanjaan rancangan yang diterbitkan.
6. Memenuhi dan menepati kehendak kualiti dan kuantiti perancangan Seksyen / Unit berkenaan.
7. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.